


Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

**GARIS PANDUAN
BAGI MENJALANKAN
AKTIVITI PENGGAMBARAN
SEPANJANG MUSIM
PANDEMI COVID-19**





Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

(FINAS) ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana telah memberi kebenaran untuk aktiviti penggambaran untuk beroperasi semula setelah meneliti cadangan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah dikemukakan untuk pertimbangan.


Sebagaimana yang diumumkan, bermula pada 10 Jun 2020 segala aktiviti penggambaran boleh dijalankan semula. Finas ingin mengingatkan kepada semua penggiat industri untuk sentiasa mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa. Finas akan sentiasa memastikan Industri Kreatif akan terus berkembang pesat dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Untuk itu bersama-sama ini dilampirkan SOP yang telah ditetapkan untuk kebenaran penggambaran semula dan beberapa intipati yang perlu diperolehi serta dituruti sebelum sebuah penggambaran boleh dilaksanakan. Beberapa senarai bantuan dan kemudahan juga turut dipersembahkan untuk makluman semua.





ISI KANDUNGAN



3

Majlis Keselamatan Negara (MKN) Standard Operating Procedure (SOP)

- Garis Panduan Bagi Menjalankan Aktiviti Penggambaran Sepanjang Musim Pandemi COVID-19

9

Permohonan Lesen

- Garis Panduan/Tatacara Permohonan Surat Perakuan Penggambaran (SPP)
- Garis Panduan Permohonan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)



12

Permohonan PUSPAL

- Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)

14

Galakan Penggambaran:

- Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI)

17

Kemudahan Fasiliti & Peralatan Produksi

- Sewaan Kemudahan Dan Peralatan Perfileman

19

Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Masa Pendek Bagi Industri Kandungan Kreatif (PELAKSANA)

1. Dana Kandungan Digital
2. Geran Pembangunan Modal Insan
3. Pakej Insentif Tayangan Di Bawah Skim Wajib Tayang





KANDUNGAN PERTAMA

.....

Garis Panduan Bagi
Menjalankan
Aktiviti Penggambaran
Sepanjang Musim
Pandemik COVID-19



1

SEKTOR INDUSTRI KREATIF (1)



Waktu Beroperasi 24 jam

Waktu Kehadiran Pelanggan 24 jam

Kapasiti Pekerja 100% atau ikut keperluan

Merangkumi

- Produksi Animasi / Muzik
- Pasca-Produksi di Studio
- Pembangunan Muzik Secara Digital
- Rakaman Lagu di Studio
- Pra-Produksi Penggambaran
- Produksi Penggambaran

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang .
- Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan.

Arahan tetap

- Tertakluk kepada Arahan dan Peraturan Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, dan arahan serata Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa.
- Operasi di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan.

Aktiviti Dan Protokol

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Protokol pencegahan penyakit dan sekatan	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. • Syarikat produksi perlu melantik seorang penyelia keselamatan bagi memastikan pematuhan SOP di semua peringkat produksi. • Syarikat produksi wajib mematuhi peraturan dan tatacara pelesenan yang termaktub di bawah Akta Pentadbiran Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Akta 244)
Saringan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Tenaga produksi yang tidak sihat sebelum penggambaran bermula harus memaklumkan status kesihatan masing-masing kepada syarikat produksi dan TIDAK dibenarkan untuk terlibat dalam penggambaran. • Semua tenaga produksi yang akan terlibat dalam penggambaran haruslah mengemukakan rekod perjalanan bagi tempoh empat (4) minggu sebelum penggambaran tersebut dijalankan, rekod saringan kesihatan dan memuat turun aplikasi MySejahtera semasa memohon Surat Perakuan Penggambaran (SPP) FINAS. • Majikan perlu menyediakan alat saringan suhu badan atau <i>thermal scanner</i> • Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari sebelum penggambaran. • Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis/ lokasi penggambaran.



2

SEKTOR INDUSTRI KREATIF (2)



- Waktu Beroperasi Normal
- Waktu Kehadiran Pelanggan Normal
- Kapasiti Pekerja 100% atau ikut keperluan

Merangkumi

- Produksi Animasi / Muzik
- Pasca-Produksi di Studio
- Pembangunan Muzik Secara Digital
- Rakaman Lagu di Studio
- Pra-Produksi Penggambaran
- Produksi Penggambaran

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.
- Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan.

Arahan tetap

- Tertakluk kepada Arahan dan Peraturan Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, dan Arahan serata Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa.
- Operasi di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan.

Aktiviti Dan Protokol

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Laporan kesihatan (di premis/lokasi penggambaran)	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja/ tenaga produksi yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan dan mereka tidak dibenarkan memasuki premis syarikat, studio atau lokasi penggambaran. • Setiap tenaga produksi dikehendaki mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan maklumat berkaitan COVID-19.
Pembersihan dan nyah kuman premis	<ul style="list-style-type: none"> • Proses pembersihan dan nyahkuman perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari, terutamanya di kawasan umum (<i>common space</i>) seperti lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, kenderaan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah, studio serta lokasi penggambaran. • Syarikat hendaklah menjalankan proses pembersihan dan nyah kuman di premis dan semua peralatan yang digunakan dan berada di set penggambaran setiap kali sebelum syif atau operasi/penggambaran bermula. • Syarikat hendaklah menyediakan dan mewajibkan amalan mencuci tangan, dengan sabun dan air serta penggunaan <i>hand sanitizer</i> di pintu masuk, semua kawasan umum (<i>common area</i>) dan tempat-tempat lain di dalam premis atau set penggambaran.



3

SEKTOR INDUSTRI KREATIF (3)



Waktu Beroperasi Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan Normal

Kapasiti Pekerja 100% atau ikut keperluan

Merangkumi

- Produksi Animasi / Muzik
- Pasca-Produksi di Studio
- Pembangunan Muzik Secara Digital
- Rakaman Lagu di Studio
- Pra-Produksi Penggambaran
- Produksi Penggambaran

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang .
- Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan.

Arahan tetap

- Tertakluk kepada Arahan dan Peraturan Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, dan Arahan serata Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa.
- Operasi di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan.

Aktiviti Dan Protokol

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat produksi perfileman perlu memastikan penglibatan tenaga produksi yang minima yang terlibat dalam setiap sesi penggambaran bergantung kepada keluasan premis dan lokasi penggambaran. • Menyediakan <i>hand sanitizer</i> semasa bekerja di set / lokasi penggambaran. • Menggalakkan pemakaian <i>face mask</i> oleh setiap pekerja di kawasan terlibat. • Memastikan pematuhan penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai. • Memastikan pematuhan jarak kedudukan meja dan kerusi sekurang-kurangnya, 2 meter khususnya di kawasan-kawasan seperti kafeteria, kantin, bilik mesyuarat, dewan serbaguna, (<i>multipurpose hall</i>) dan lain-lain yang berkenaan. • Semua tenaga produksi diwajibkan untuk mengekalkan jarak sosial sekurang-kurangnya 1 meter di set / lokasi penggambaran. • Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan adalah TIDAK DIBENARKAN. Syarikat produksi perlu menggunakan kreativiti tersendiri bagi memastikan pematuhan SOP. • Aktiviti sesi bertemu peminat, temubual media dan apa-apa interaksi yang melibatkan orang awam di set penggambaran adalah tidak dibenarkan. • Jadual penggambaran haruslah diselaraskan bagi mengelakkan kesesakan.



4

SEKTOR INDUSTRI KREATIF (4)



Waktu Beroperasi Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan Normal

Kapasiti Pekerja 100% atau ikut keperluan



Merangkumi

- Produksi Animasi / Muzik
- Pasca-Produksi di Studio
- Pembangunan Muzik Secara Digital
- Rakaman Lagu di Studio
- Pra-Produksi Penggambaran
- Produksi Penggambaran

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.
- Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan.

Arahan tetap

- Tertakluk kepada Arahan dan Peraturan Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, dan Arahan serata Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa.
- Operasi di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan.

Aktiviti Dan Protokol

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Mesyuarat dan Perbincangan (Pra-Produksi)	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat produksi disarankan untuk melaksanakan aktiviti pra produksi secara dalam talian atau secara berkumpulan bergantung kepada keluasaan dan pematuhan penjarakan sosial.
Uji bakat (Pra-Produksi)	<ul style="list-style-type: none"> • Dilakukan secara maya ataupun melalui penghantaran video oleh artis.
Solekan, tatarias dan pakaian (<i>wardrobe</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Semua jurusolek dan penata rias dikehendaki menggunakan <i>face shield</i>. • Syarikat produksi disarankan untuk menyediakan satu set alat solek khas kepada setiap pelakon dan memastikan tiada perkongsian peralatan alat solek bagi mengelakkan jangkitan. • Jurusolek dan penata rias dikehendaki mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum dan selepas menyolek dan menata rias setiap artis. • Artis harus melakukan <i>minor touch up</i> sendiri bagi mengurangkan sentuhan dengan jurusolek dan penata rias. • Pakaian (<i>wardrobe</i>) perlu dinyahkuman sebelum, selepas dan dibersihkan segera selepas digunakan. Artis perlu menguruskan sendiri pakaian yang telah disediakan oleh <i>wardrobe</i>. • Perkongsian pakaian dan penggunaan semula adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan jangkitan.
Etika di kawasan umum dalam premis	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis perlu dikawal dengan amalan penjarakan sosial pada sesuatu masa. • Operasi kantin/ kafeteria hanya dibenarkan untuk penyediaan makanan dan minuman berbungkus. • Makanan harus dihidangkan secara pek individu. • Penyediaan secara <i>buffet</i> adalah tidak dibenarkan. • Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada kesesuaian masa yang ditetapkan syarikat.



5

SEKTOR INDUSTRI KREATIF (5)



Waktu Beroperasi Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan Normal

Kapasiti Pekerja 100% atau ikut keperluan



Merangkumi

- Produksi Animasi / Muzik
- Pasca-Produksi di Studio
- Pembangunan Muzik Secara Digital
- Rakaman Lagu di Studio
- Pra-Produksi Penggambaran
- Produksi Penggambaran

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang .
- Semua babak penggambaran yang melibatkan sentuhan.

Arahan tetap

- Tertakluk kepada Arahan dan Peraturan Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa, dan Arahan serata Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuat kuasa.
- Operasi di Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan.

Aktiviti Dan Protokol

TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS
Pengangkutan pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses pembersihan dan nyahkuman setiap kali sebelum digunakan. • Memastikan pematuhan penjarakan sosial (secara selang seli) semasa berada dalam kenderaan.
Tindak balas kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19). • Kos pembersihan dan nyahkuman di premis perlu ditanggung oleh syarikat. • Syarikat perlu menyediakan penginapan alternatif bagi tujuan kuarantin dan kos perlu ditanggung oleh syarikat.


Nota:

- Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak diberikan sama sekali.
- Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan berkuatkuasa.



KANDUNGAN KEDUA


Permohonan Lesen





Garis Panduan/Tatacara Permohonan Surat Perakuan Penggambaran (SPP)

1. Syarikat mestilah pemegang lesen pengeluaran yang dikeluarkan oleh FINAS dan masih sah tempoh lakunya.
2. Pemohon dikehendaki melengkapkan maklumat dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh FINAS yang boleh diperolehi secara **percuma** di Unit Pelesenan atau muat turun melalui laman web.
3. Pemegang lesen, jika membuat penggambaran filem hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan **tidak lewat dari 7 hari** sebelum penggambaran sesuatu filem dimulakan melalui borang tertentu yang dikeluarkan oleh Perbadanan. Dengan penghantaran borang tersebut, Surat Perakuan Penggambaran (SPP) akan dikeluarkan oleh Perbadanan.
4. Satu permohonan bagi setiap judul filem yang hendak dikeluarkan. Hanya satu permohonan SPP bagi filem yang mempunyai episod / siri. [*Jenis filem: Animasi, Cereka Pawagam, Cereka TV, Cereka VCD, Dokumentari, Drama TV, Game Show, Muzikal, Pendidikan, Promosi, Realiti TV, Temubual, Video Korporat, Cereka Pendek, Program TV*]
5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:
 - Sinopsis filem yang hendak dikeluarkan.
 - Jika penggambaran tersebut menggunakan khidmat tenaga pekerja asing perlulah menyertakan salinan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) dan dokumen kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia / *work permit*.
 - Menyatakan jadual dan lokasi penggambaran secara terperinci dan sertakan nombor telefon Pengurus Produksi (PM) dalam borang permohonan. Sila maklumkan kepada FINAS jika ada perubahan lokasi penggambaran, artis, tenaga kerja dan judul filem.
 - Tenaga karyawan tempatan yang terlibat dalam penggambaran filem hendaklah menjadi ahli kepada mana-mana persatuan-persatuan yang diiktiraf oleh FINAS di bawah Program Padu Citra iaitu Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (*PROFIMA*), Persatuan Seniman Malaysia (*SENIMAN*), Persatuan Karyawan Malaysia (*KARYAWAN*) dan Persatuan Pengarah Filem Malaysia (*FDAM*).
6. Bayaran Surat Perakuan Penggambaran (SPP) adalah sebanyak RM50.00 dan boleh dibuat secara tunai / wang pos / bank draf / kiriman wang bagi setiap SPP yang dikeluarkan.



Pautan Ke Laman Sesawang Borang

<https://www.finas.gov.my/services/licensing-spp-application/>





Garis Panduan Permohonan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA)

Permohonan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing yang disokong adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :

1. Syarikat mestilah pemegang lesen pengeluaran yang dikeluarkan oleh FINAS dan masih sah tempoh lakunya.
2. Menggunakan dan melengkapkan borang yang ditetapkan oleh FINAS.
3. Satu permohonan bagi setiap seorang kemasukan pekerja filem asing.
4. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:-
 - a. **Salinan pasport** pekerja filem asing yang ingin dibawa masuk.
 - b. **Resume** atau latar belakang berhubung kepakaran, pengalaman dan pencapaian.
 - c. **Surat** daripada pengeluar filem tempatan yang menyatakan **sebab-sebab** tenaga asing diperlukan.
 - d. Menyatakan jadual dan lokasi penggambaran.
 - e. **Kontrak pekerja** dengan syarikat tersebut, sekiranya tarikh mula perkhidmatan melebihi satu tahun.
 - f. Salinan Surat Sokongan sekiranya pernah dikeluarkan sebelum ini.

KEPAKARAN YANG DISOKONG

KARYAWAN FILEM

- a. Pengarah Filem
- b. Pengarah Kreatif
- c. Pengarah Fotografi (DOP)
- d. Pelakon Utama
- e. Pengarah Lampu
- f. Pengarah Stunt
- g. Steadicam Operator


Sokongan kepada kemasukan pekerja filem selain kepakaran di atas boleh dibuat berdasarkan kepada alasan yang kukuh oleh syarikat dan akan dipertimbangkan oleh FINAS

PEGAWAI DAGANG

- a. Pengerusi Syarikat
- b. Ketua Eksekutif Syarikat
- c. Ahli Lembaga Syarikat
- d. Pemegang Syer Syarikat

Pautan Ke Laman Sesawang Borang

<https://www.finas.gov.my/services/surat-sokongan-pekerja-asing/>



KANDUNGAN KETIGA

.....
Permohonan
PUSPAL






Agensi Pusat Permohonan Pengggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL)

Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) berperanan sebagai sebuah Bahagian peneraju di Kementerian yang mengawal selia keperluan bagi membangunkan industri kreatif khusus berkaitan pengggambaran filem asing dan persembahan artis luar negara. Unit ini juga berperanan sebagai sebuah pusat setempat bagi urusan permohonan kemasukan warga asing bagi menjalankan pengggambaran filem asing dan mengadakan persembahan. Pusat setempat tersebut yang menerima dan memproses permohonan tersebut adalah di alamat berikut:

Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
Tingkat 24, Kompleks KKMM
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
☎: **03-8911 5356**
📠: **03-8911 5360**
✉: **puspal@kkmm.gov.my**
🌐: **<https://epuspal.kkmm.gov.my>**

Rujukan lanjut yang diperlukan oleh penggiat industri berhubung PUSPAL, garis panduan PUSPAL serta sebarang maklumat berkaitan urusan permohonan pengggambaran filem asing boleh diperolehi secara terus daripada Pusat Setempat PUSPAL di Putrajaya atau daripada laman web PUSPAL di :

Pautan Ke Laman Sosial Facebook PUSPAL
[Facebook.com/PUSPAL](https://www.facebook.com/PUSPAL)





**KANDUNGAN
KEEMPAT**

.....

Galakan Penggambaran



Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI)

Apakah Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI)?

“Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI) adalah usaha kerajaan untuk menarik pelabur dalam penerbitan Filem & TV bagi menjalankan aktiviti perfileman di Malaysia. Dengan adanya insentif ini akan menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi penggambaran dengan menawarkan 30% rebat tunai ke atas perbelanjaan kos produksi di Malaysia/*Qualifying Malaysia Production Expenditure (QMPE)* yang meliputi aktiviti produksi & pasca produksi tempatan & antarabangsa.”

Apakah QMPE?

QMPE merupakan kos produksi yang dibelanjakan di dalam Malaysia.

Kelayakan Minimum QMPE :



Format yang layak:

- Filem cereka termasuk episod dokumentari, Animasi dan IMAX
 - Program episod televisyen
 - Program televisyen dokumentari
- Rancangan televisyen bersiri atau bermusim


Pautan Ke Laman Sesawang FIMI

<http://www.filminmalaysia.com/ms/>



Objektif

Menggalakkan **pengeluar filem Malaysia** untuk menghasilkan kandungan kreatif yang berkualiti tinggi untuk pasaran domestik dan antarabangsa.



Menambahkan **peluang pekerjaan** bagi syarikat-syarikat filem, pusat pasca-produksi, syarikat sewaan alat perfileman, studio-studio yang menyediakan barangan dan perkhidmatan sepanjang ekosistem industri kandungan kreatif.

Menambahkan **peluang pekerjaan** untuk para artis dan krew tempatan di dalam industri kandungan kreatif.



Memacukan ekosistem dan meningkatkan sumbangan ekonomi industri **kandungan kreatif** dan industri yang berkaitan.

Membangunkan reputasi Malaysia sebagai hub **kandungan kreatif** yang cekap dan kos efektif.



Menarik **pengeluar filem asing** untuk menjalankan aktiviti perfileman di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran antarabangsa.



Pautan Ke Laman Sesawang FIMI
<http://www.filminmalaysia.com/ms/>



KANDUNGAN KELIMA

.....

Kemudahan Fasilitas & Peralatan Produksi






Sewaan Kemudahan dan Peralatan Perfileman

Selaras dengan objektif penubuhan FINAS, iaitu menggalak, memelihara dan memudahkan industri perfileman, FINAS menyediakan sewaan peralatan dan kemudahan perfileman seperti peralatan produksi, pasca-produksi dan studio. FINAS juga sentiasa berusaha untuk memberi bantuan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada penggiat industri perfileman dengan menawarkan kadar sewaan yang berpatutan serta penggunaan peralatan dan kemudahan perfileman yang moden dan berteknologi tinggi.

Unit Khidmat Produksi berperanan menguruskan sewaan fasiliti di FINAS seperti berikut:

- **Studio *Sound Stage*** (Ulu Kelang & Petaling Jaya)
 - Studio Ho Ah Loke
 - Studio L. Krishnan
 - Pawagam Mini P. Ramlee
- **Dataran Karyawan & *Concourse* FINAS**
 - Peralatan Produksi
 - Khidmat Pasca Produksi
 - Jualan Futej

Pautan Ke Laman Sesawang Rate Card FINAS
<https://www.finas.gov.my/services/finasratecard/>





KANDUNGAN KEENAM

.....

**Pelan Pemulihan Ekonomi
Jangka Masa Pendek
Bagi Industri
Kandungan Kreatif
(PELAKSANA)**



1

Dana Kandungan Digital




KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM
NASIONAL MALAYSIA

PELAKSANA

PELAN LANGKAH SEGERA EKONOMI INDUSTRI KREATIF






Kriteria Pemohon

- 1 Pihak syarikat yang masih mempunyai projek semasa melibatkan Dana Kandungan Digital (DKD) tidak layak untuk memohon.
- 2 Pihak yang berminat hendaklah mengemukakan *proposal* atau kertas cadangan yang berkaitan kepada stesen TV yang terlibat (Media Prima, Astro dan TV Al-Hijrah) mengikut tatacara permohonan sedia ada Stesen TV yang berkenaan.
- 3 Syarikat yang berminat layak untuk mengemukakan satu (1) permohonan sahaja bagi satu kategori permohonan.
- 4 Syarikat boleh memohon kali kedua sekiranya projek terdahulu telah siap sepenuhnya & diterima oleh Stesen TV yang berkenaan.
- 5 Proses penyaluran dana adalah berdasarkan tatacara di bawah Dana Kandungan Digital (DKD) 2020.
- 6 Pihak syarikat telah melalui proses *pitching* atau pemilihan oleh Stesen Tv yang berkenaan.
- 7 Setiap projek hendaklah disiapkan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.



Proses Kerja PELAKSANA



Hubungi Unit Pelaksana Dana Kandungan Digital Untuk Maklumat Lanjut

Encik Zulkarnain Haji Harun
Cik Nurulisni Mohamed@Mohamad
Puan Noor Farahin Hayazi
 ☎ : 03-7968 2171 / 2060
 ✉ : pelaksanadkd@finas.my

FINAS Petaling Jaya, Jalan Utara,
 46200 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan.




2

Geran Pembangunan Modal Insan

Geran Pembangunan Modal Insan membantu memperkasakan pembangunan modal insan penggiat industri dengan skop tambahan iaitu bantuan geran penganjuran latihan kepada syarikat swasta yang berlatarbelakang pengurusan latihan serta modal insan.

Kriteria Pemohon

- 1 Pemohon adalah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.
- 2 Syarikat mestilah berdaftar di Malaysia & memiliki sijil Pendaftaran Syarikat
- 3 Syarikat telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221110 (**Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar & Moderator**)
- 4 Syarikat adalah berstatus Perkongsian Bersama / Sendirian Berhad
- 5 Lebih daripada Lima Puluh Peratus (50%) pemilikan sah dan benefisial pemohon terletak hak pada warganegara Malaysia
- 6 Pemohon mempunyai sekurang-kurangnya RM50,000 modal syer berbayar / "paid-up capital"
- 7 Pemohon tidak tertakluk kepada satu perintah penggulungan / tidak berstatus bankrap
- 8 Pemohon tidak pernah menerima mana-mana dari dana FINAS



Hubungi
Unit Latihan Industri FINAS
 Untuk Maklumat Lanjut

Puan Zuramashana Zakaria

☎ : 03-41041457

Puan Siti Noraisya Masarudin

☎ : 03-41041456

Encik Mahmod Aizzuddin Zulkifli

☎ : 03-41041319

Encik Azhary Md. Saad

☎ : 03-41041727



latihanperfileman@gmail.com






3

Pakej Insentif Tayangan Di Bawah Skim Wajib Tayang

Pakej Insentif Tayangan Di Bawah Skim Wajib Tayang berfungsi untuk merangsang pertumbuhan sektor pengedaran dan pameran melalui galakan bagi filem-filem tempatan di bawah Skim Wajib Tayang dengan skop tambahan iaitu:



1

Kelayakan untuk menerima Dana Pemasaran di bawah Dana Kandungan Digital

2

Kelayakan mendapat penayangan 7 hari berturut-turut walaupun bilangan penonton adalah kurang daripada 15% daripada jumlah bilangan tempat duduk dalam dewan wayang gambar

3

Kelayakan mendapat tayangan minima iaitu 3 slot tayangan bagi hari biasa dan minima 4 slot tayangan bagi hari hujung minggu dan kelepasan am

Hubungi Unit Galakan Industri FINAS

Pn. Norasikin Salikin

En. Mohd Farid Nor Azlam

✉ : norasikin@finas.my

✉ : farid.azlam@finas.my

☎ : 03-41041454

☎ : 03-41041327

Unit Galakan Industri
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
Kompleks Studio Merdeka, Jalan Hulu Kelang
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.



Untuk sebarang maklumat dan
keterangan lanjut boleh menghubungi:

FINAS HULU KLANG

Kompleks Studio Merdeka,
Jalan Hulu Kelang,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.

☎ : 03-41041300

FINAS PETALING JAYA

Jalan Utara,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

☎ : 03-7968 2137

 www.finas.gov.my

 [FINASMalaysia](#)

 [FINASMalaysia](#)

 [FinasMy](#)